



## JABATAN PERIKANAN MALAYSIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Department of Fisheries Malaysia  
Ministry of Agriculture and Food Security  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI  
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
62628 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

03-8870 4426  
ukk@dof.gov.my  
<http://www.dof.gov.my>

### UNTUK SIARAN SEGERA

#### KENYATAAN MEDIA JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

#### MONSUN TIMUR LAUT : STOK IKAN RAKYAT TERJAMIN

1. Keterjaminan makanan stok ikan rakyat terjamin melalui pendaratan ikan di pantai barat semenanjung tidak terjejas oleh perubahan cuaca di Malaysia. Kepelbagai jenis ikan melalui pendaratan di semua kawasan negara ini dapat menampung keperluan rakyat walaupun di kawasan pantai timur negara menghadapi peralihan Monsun Timur Laut. Melalui statistik tren pendaratan ikan di pantai barat, pengeluaran antara bulan November 2022 hingga Mac 2023 terbukti dapat menampung keperluan keterjaminan stok ikan rakyat di Malaysia.
2. Spesis ikan kembung merupakan jenis stok ikan rakyat yang terdapat di Malaysia. Berdasarkan data perangkaan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), **pendaratan ikan kembung pada tahun 2021 adalah sebanyak 40,959.95 tan metrik dengan nilai RM 421 juta manakala tahun 2022 merekodkan 39,146.95 tan metrik dengan nilai RM458 juta dan bagi tahun 2023 (Januari hingga September) mencatatkan 33,102 tan metrik dengan nilai RM410 juta.** Jumlah pendaratan ikan kembung bagi **Pantai Barat Semenanjung sebanyak 22,765 tan metrik manakala di Pantai Timur sebanyak 9,637 tan metrik.**
3. “Jabatan Perikanan Malaysia telah menjalankan kajian dan mempunyai maklumat lengkap mengenai cadangan musim tertutup bagi ikan kembung dan pelaling di Kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Berdasarkan kajian pentaksiran sumber yang dijalankan oleh DOF, stok ikan kembung akan mula tertangkap oleh pukat nelayan mulai April yang mana ini berkait dengan migrasi ikan kembung ke perairan negara”, **Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Dato’ Adnan bin Hussain.**



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 03900



0074



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 03900

PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI  
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

**myDOF**  
Peneraju Perikanan

4. Sumber ikan kembung akan mulai stabil pada bulan April, ikan ini didapati telah berada di kawasan perairan Malaysia, oleh itu peningkatan sumber ikan kembung boleh berlaku dan memberi keuntungan kepada nelayan tempatan.
5. Merujuk kepada data pendaratan ikan tahun 2012 hingga 2022, jumlah pendaratan kumulatif ikan Kembung di Pantai Barat Semenanjung dalam tempoh 10 tahun adalah sebanyak 336 ribu tan metrik melebihi 2 kali ganda dari Pantai Timur Semenanjung iaitu sebanyak 140 ribu tan metrik. Fenomena ini dilihat seiring dengan pergerakan arus di perairan ini meningkatkan jumlah fitoplankton sebagai makanan ikan dan mendorong ikan bergerak ke kawasan ini.
6. Ikan kembung juga merupakan sumber yang dikongsi bersama (shares stock) di peringkat serantau seperti di negara Thailand, Indonesia, Myanmar, Vietnam, Filipina serta Brunei. Pendaratan yang kurang pada masa ini, disebabkan sumber bergerak ke kawasan lain di dalam ekosistem Laut Andaman dan Laut China Selatan. Spesies ini banyak dieksport ke negara Australia, Brunei dan Hong Kong manakala negara India dan China antara yang paling tinggi dalam pengimportan komoditi ikan kembung.
7. Berdasarkan kajian yang dijalankan selama 10 tahun oleh pihak Southeast Asian Fisheries Development Center (SEAFDEC) ke atas ikan kembung dan ikan selayang, sifat semulajadi ikan kembung yang suka bermigrasi secara berkumpulan adalah bagi tujuan pembiakan dan mendapatkan makanan.
8. Perubahan cuaca Monsun Timur Laut memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi migrasi ikan kembung dan kelangsungan pembiakan semulajadi untuk kemampuan sumber perikanan.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

### **UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my); [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)

**20 NOVEMBER 2023, 9.30 MALAM**



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI

PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

